

**PERISYTIHARAN JUALAN LELONGAN**  
**PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN**  
**(P.T.Rb. 4/2/001/2021)**

Dalam Perkara Seksyen 257 dan 263, Kanun Tanah Negara dan dalam perkara gadaian ke atas tanah di bawah pegangan PM 1013 LOT 11837 Mukim Gali Daerah Raub, Pahang Darul Makmur.

**DI ANTARA**

**LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)**  
**DAN**

... **PEMEGANG GADAIAN**

**MOHAMED ALI BIN DAHALAN (NO.K.P.: 1318080)**

... **PENGGADAI**

Dalam menjalankan perintah **Pentadbir Tanah Raub** bertarikh **13hb DISEMBER 2022** dengan ini diisytiharkan bahawa **Pentadbir Tanah Raub** dengan dibantu oleh Pelelong yang tersebut di bawah ini :-

**AKAN MENJUAL SECARA (LELONGAN KALI KEDUA) LELONGAN AWAM**  
**PADA 9hb FEBRUARI 2023 (KHAMIS), MASA 10.00 PAGI**  
**DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH RAUB**  
**PAHANG DARUL MAKMUR**

Nota: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian hak milik secara rasmi di Pejabat Daerah dan Tanah Raub dan memeriksa harta tanah tersebut sebelum jualan lelong.

**Butir-butir hartanah adalah seperti berikut :-**

NO. HAKMILIK/NO LOT	:	PM 1013/LOT 11837
MUKIM/DAERAH/NEGERI	:	Gali/Raub/Pahang Darul Makmur
KELUASAN TANAH	:	2,049 meter persegi
CUKAI TANAH	:	RM 45.00
PEGANGAN	:	Pajakan 99 tahun berakhir pada 14 Januari 2086
PEMILIK BERDAFTAR	:	Anizam Bin Mohd Ali, No.K.P.: 710313-11-5201, 1/1 Bahagian
SYARAT-SYARAT NYATA	:	Tanah ini hendaklah digunakan untuk satu unit bangunan kediaman sahaja.
SEKATAN KEPENTINGAN	:	Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak, digadai melainkan dengan kebenaran bertulis daripada YAB Menteri Besar Pahang.
KAWASAN REZAB	:	Dalam Kawasan Rezab Melayu
GADAIAN	:	Nombor Perserahan: 207/1993 gadaian menjamin wang pokok oleh Mohamed Ali Bin Dahalan, NO.K.P.: 1318080 kepada Minister of Finance (Incorporated) Malaysia didaftarkan pada 1hb Mac 1993

**Lokasi dan Keterangan Hartanah:**

Harta tanah yang dimaksudkan ialah plot sesebuah dikenali sebagai LOT 11837 PM 1013 (dahulunya dikenali sebagai PT 10843 HS(M) 5656) Mukim Gali, Daerah Raub. Harta subjek terletak di dalam kawasan tanah berkelompok yang dikenali sebagai Kelompok Ajai, Mukim Gali, Daerah Raub yang beralamat di LOT 11837, Kelompok Ajai, Jalan Kampung Ajai – Gesing, 27600 Raub, Pahang Darul Makmur. Secara geografi, ia terletak kira-kira 19.2 kilometer ke arah utara-barat pusat Bandar Raub. Ianya boleh diakses dari pusat Bandar Raub melalui Jalan Persekutuan Kuala Lumpur – Gua Musang kira-kira 18.7 kilometer, kemudian ke kiri jalan menuju ke arah Gesing kira-kira 0.3 kilometer, kemudian memasuki simpang kiri ke aras tanah kelompok kampung Ajai kira-kira 0.1 kilometer, dan akhirnya ke kanan menuju ke hartanah subjek. Tapak tanah adalah sebidang tanah bangunan yang berbentuk hampir segi empat tepat, mukabumi adalah sedikit berbukit dan hampir separas jalan berturap menghadapnya. Luas lot ialah 2,049 meter persegi (22,055 kaki persegi). Sempadan lot/tapak subjek dipagar dengan dawai berangkai.

**Harga Rizab:** Harta tanah tersebut akan dijual tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak **RM 73,800.00 (RINGGIT MALAYSIA: TUJUH PULUH TIGA RIBU LAPAN RATUS SAHAJA)** dan kepada Syarat-Syarat Jualan yang dicetak di Perisytiharan Jualan. Setiap penawar yang ingin membuat tawaran adalah dikehendaki menandatangani 10% daripada harga rizab dalam bentuk Bank Draft di atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)** sebelum jam 10.00 pagi pada hari lelongan dan baki wang belian hendaklah diselesaikan dalam masa seratus dua puluh (120) hari dari tarikh pembelian iaitu sebelum atau pada **KHAMIS, 8hb JUN 2023**. Harta tersebut akan dijual tertakluk kepada syarat-syarat jualan yang dipamerkan di papan kenyataan Pejabat Tanah Raub.

Untuk maklumat selanjutnya, sila hubungi **Pentadbir Tanah Raub** (Ruj. Fail: BIL.(34)d/m P.T.Rb.4/2/001/2021) atau **Tetuan Radzi & Abdullah**, Peguamcara bagi pihak pemegang gadaian di alamat No. 207 & 307, Tingkat 2 & 3, Blok C, Raub Centre Point, P.O.Box 312, Jalan Haji Abdul Rahman 25000 Raub, Pahang Darul Makmur Tel: 09-513 9887 atau pelelong yang tersebut di bawah ini :-

**MARDZIANA BINTI RAZALI**

No. 8, Tingkat Atas  
Jalan Datuk Bahaman 2  
28000 Temerloh,  
Pahang Darul Makmur

Pelelong Awam Berlesen Negeri Pahang No  
32843/2023  
Tel: 019-939 5414  
Fax: 09-296 4778

**RUJ: MR/LPPSA/PTR/11837MGDR**